

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tangau minta orang ramai tidak sebarkan berita tidak sahih	BERNAMA
2.	Sistem tekanan rendah punca hujan lebat di Sarawak - Tangau	BERNAMA
3.	Atasi pencemaran CO2	Utusan Malaysia
4.	FRIM kaji biodiesel	Utusan Malaysia



Tangau Minta Orang Ramai Tidak Sebarkan Berita Tidak Sahih

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Orang ramai perlu berhati-hati apabila menerima berita yang mengandungi maklumat tidak sahih kerana ia boleh menimbulkan pelbagai masalah, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau](#).

Tangau berkata beliau kecewa kerana kebanyakan orang masih mempercayai berita yang disebarkan melalui media sosial, walaupun ia kerap terbukti tidak benar.

Katanya, kewujudan media sosial bukan sahaja memudahkan manusia untuk berkomunikasi, tetapi juga mewujudkan medan jerangkap samar apabila begitu banyak maklumat yang tidak sahih dikongsi sebagai mesej melalui pelbagai aplikasi, termasuk WhatsApp.

"Melalui kaedah salin dan tampal, hari ini setiap orang (percaya) mereka boleh menjadi wartawan.

"Sebaliknya, mereka perlu faham bahawa menghantar maklumat atau apa yang dianggap sebagai berita yang tidak sahih kepada orang lain, boleh mengundang bahaya, bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada keselamatan negara," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tangau juga meminta orang ramai berwaspada terhadap cubaan menggugat keamanan dan keharmonian dalam kalangan rakyat melalui penyebaran berita palsu dan negatif bagi tujuan menimbulkan kebencian terhadap kerajaan.

"Mereka yang menerima mesej seperti itu, berhentilah sejenak dan fikirkanlah tentang kesahihannya. Kita sepatutnya padamkan sahaja mesej seperti itu. Jangan menghantarnya kepada orang lain pula untuk mengelaknya daripada diviralkan," kata beliau.

Di pihak kerajaan pula, kata beliau, perkara itu dipantau melalui pelbagai badan, termasuk CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah kementerian yang beliau terajui.

-- BERNAMA



Sistem Tekanan Rendah Punca Hujan Lebat Di Sarawak - Tangau

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Hujan lebat sehingga menyebabkan banjir di Kuching, Serian dan Samarahan di Sarawak disebabkan sistem tekanan rendah di Sarawak dan Kalimantan yang menggalakkan pembentukan awan hujan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata keadaan hujan lebat sejak semalam itu dijangka akan berterusan sehingga esok.

"Jumlah taburan hujan yang direkodkan di Kuching semalam adalah sebanyak 237 mm dan 114.6 mm sehingga 4 petang hari ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan beberapa siri amaran mengenai keadaan hujan lebat sejak awal pagi semalam dan pemantauan berterusan akan dilakukan.

Tangau menasihati orang ramai untuk mengikuti perkembangan amaran hujan lebat yang dikeluarkan melalui media massa dari masa ke masa.

Keadaan banjir di Sarawak semakin teruk malam ini dengan jumlah mangsa di 31 pusat pemindahan banjir kini meningkat kepada 5,769 orang berbanding 4,381 petang tadi.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 22 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

Atasi pencemaran CO₂

DALAM pada itu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), **Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid** menyifatkan Nano-CAT itu sebagai sangat bermanfaat kerana boleh membantu masalah kepekatan karbon dioksida (CO₂) yang menjadi masalah sejagat.

"Sebagaimana yang kita ketahui CO₂ terhasil melalui beberapa sumber seperti pembakaran, pernafasan, kesan rumah hijau dan sebagainya.

"Pembebasannya ke alam sekitar yang kita diami dikurangkan menerusi proses fotosintesis oleh tumbuh-tumbuhan hijau dari semasa ke semasa.

Namun begitu, terdapat kepercayaan dan bukti menunjukkan pencemaran udara masa kini adalah disebabkan kepekatan CO₂ yang tinggi.

Justeru, penemuan hasil kajian pensyarah UMT memberi harapan dalam menyingkirkan dan mengurangkan kepekatan CO₂ dan menukarkannya kepada gas metana yang berkualiti gas asli dan biogas.

"Saya mengharapkan ada pihak industri yang sanggup tampil bagi membantu menambahbaik produk ini supaya dapat digunakan pada kenderaan, atau industri yang banyak menghasilkan CO₂ seterusnya mengurangkan pembebasan gas tersebut," ujar beliau.

Dalam pada itu, fokus penyelidikan dan pembangunan (R&D) UMT pada masa akan datang kekal kepada bidang tujahan iaitu ilmu kelautan dan sumber akuatik.

Ini kerana UMT telah mempunyai sebuah institut kecemerlangan tinggi (HICoE) yang diiktiraf di peringkat kebangsaan iaitu Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS).

UMT juga mempunyai institut lain iaitu Institut Akuakultur Tropika (Akuatrop), Institut Bioteknologi Marin (IMB) dan terkini Institut Penyelidikan Kenyir (IPK). INOS telah memperoleh akreditasi ISO17025 untuk kerja pemprosesan sampel di makmalnya.

Ketika ini, IMB juga sedang dalam proses untuk mendapatkan akreditasi untuk proses penganalisaan sampel yang melibatkan empat buah makmal.

UMT juga menyasarkan untuk Akuatrop memperoleh pengiktirafan HICoE dalam sektor perkhidmatan dengan menumpukan kepada penghasilan baka ikan, udang dan ketam yang bernilai tinggi.

Pihaknya turut menyasarkan dan menumpukan usaha untuk membantu IMB mendapatkan status HICoE dalam penyelidikan berasaskan marin pada 2017 kelak.

INOS juga kini menjadi pusat rujukan data oseanografi di rantau Asia Pasifik dan menyediakan latihan kepada industri marin dalam melaksanakan kajian oseanografi. Di samping itu, ahli akademik INOS juga menganggotai pasukan khas berkaitan penyus di peringkat kebangsaan dan terlibat melaksanakan pengutipan data dan sampel melalui ekspedisi pelayaran Laut Cina Selatan dan Selat Melaka

menggunakan kapal RV Discovery.

Beberapa hasil penyelidikan UMT yang mendapat pengiktirafan dalam pameran penyelidikan juga sedang melalui fasa prakomersial bersama pihak Malaysia Technology Development Corporation (MTDC).

UMT juga menyasarkan perolehan pendapatan melalui pelesenan dan penjualan produk dan harta intelek yang sedang dibangunkan.

Mengenai hasil penyelidikan yang dijana oleh UMT setakat ini Mohd. Effendy berkata, pihaknya sedang dalam peringkat rundingan dengan

pihak yang berminat untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan para penyelidik UMT.

"Apabila menyebut hasil penyelidikan, boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk. Contohnya sumber tenaga manusia yang mempunyai pengetahuan tinggi, Contohnya graduan sarjana dan doktor falsafah atau penerbitan jurnal, buku, monograf, prosiding dan artikel, atau kaedah

baharu, penambahbaikan proses, dan juga penghasilan produk hasilan penyelidikan.

"Kesemua ini merupakan kayu ukur apabila kita memperkatakan tentang hasil penyelidikan. Sebagai contoh, hasil penyelidikan Prof Madya Dr. Mustafa Man iaitu e-Disiplin telah digunakan di sekolah-sekolah dalam usaha meningkatkan disiplin di kalangan pelajar dan produk," kata beliau.

Setakat ini UMT memperoleh RM54,000 hasil daripada pengkomersialan produk penyelidikan.

UMT katanya, menyediakan dana penyelidikan dalaman untuk para penyelidik muda yang baharu memperoleh dan mula berjinak dengan aktiviti penyelidikan.

Malah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi juga menyediakan dana dalaman untuk penyelidik membayar kos penerbitan jurnal dan juga dana padanan yang diperlukan dalam proses prapengkomersialan dengan industri.

Selain itu, UMT juga menyediakan dana dalaman untuk penyelidikan berbentuk tindakan bagi penyelidikan jangka pendek untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Katanya, usaha pengkomersialan UMT adalah sejajar dengan apa yang digariskan Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

Kementerian Pengajian Tinggi meletakkan Ekosistem Inovasi sebagai Lonjakan ke-7 pemangkin kepada penghasilan sumber manusia yang berkualiti pada masa hadapan. Sebagai penyelidik di UMT, mereka seharusnya membina jaringan hubungan yang lebih rapat dengan pihak berkepentingan ini, dan mengenal pasti isu dan cabaran yang mereka hadapi dalam menghasilkan produk yang berkualiti, mesra alam dan lestari.

"Setakat ini, UMT mempunyai 498 produk inovasi dan 12 daripadanya sedang dalam proses pengkomersialan," ujar beliau.



EFFENDY ABDUL WAHID

FRIM kaji biodiesel

USAHA penghasilan gas daripada bahan bukan kimia sudah dilaksanakan oleh pelbagai pihak di negara ini menerusi institusi penyelidikan tempatan.

Sebagai contoh, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pernah mencatatkan kejayaan menghasilkan biodiesel daripada sumber-sumber alternatif yang boleh diperolehi daripada banyak kawasan di negara ini.

Penerokaan penyelidikan itu berjaya menemukan potensi minyak jarak pagar (*Jatropha curcas*), bintangor laut (*Callophyllum innophyllum* L.), perah (*Elateriospermum tapos*) serta bahan buangan industri yang boleh dijadikan biodiesel.

Ketua Pengarah FRIM **Datuk Dr. Abd**



ABD LATIF MOHMOD

Latif Mohmod berkata, pihaknya menjalankan aktiviti R&D yang menjurus kepada pencarian alternatif kepada minyak sawit sebagai sumber penghasilan biodiesel yang tidak berasaskan makanan.

Semenjak tahun 2008, FRIM telah memindahkan teknologi penghasilan biodiesel *multi feedstock* ini telah dijalankan oleh saintis FRIM dengan Xtract Tech Sdn. Bhd., iaitu sebuah anak syarikat yang ditubuhkan di bawah Program Latihan Usahawan Pasca Siswazah (FMBiosis) yang disokong oleh **Malaysia Technology Development Corporation (MTDC)**.

Malah menurut beliau, pihaknya mempunyai pelan jangka pendek untuk menggunakan biodiesel adunan B5 untuk kenderaan berenjin diesel.

Dalam pada itu FRIM sedang bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Sepang bagi menambah diesel kepada biodiesel untuk aktiviti semburan nyamuk.

"Kami juga membangunkan dapur biodiesel untuk industri kecil dan sederhana untuk mereka menggunakan dan mengitar semula minyak masak yang telah digunakan kepada biodiesel dan kini meneroka pengeluaran biodiesel pada kos yang rendah untuk kegunaan industri hiliran," ujar Abd. Latif.

FRIM juga telah berjaya menubuhkan loji perintis pada bulan Disember 2010 yang mempunyai kapasiti pengeluaran biodiesel kira-kira 20,000 liter sebulan. Biodiesel *multi feedstock* sehingga adunan B20 telah digunakan secara percubaan oleh kenderaan FRIM dan ianya telah menunjukkan prestasi enjin yang memberangsangkan.

Selain itu, ia juga telah memenuhi spesifikasi minimum biodiesel piawaian ASTM D6751-11.

Abd Latif berkata, FRIM telah mula menanam jarak pagar secara percubaan di kawasan tanah bermasalah seperti bris di Stesen Penyelidikan Luar Setiu, Terengganu.